

Media item

Full Text

Pelaksanaan DSNN fokus bidang nanoteknologi

Berita Harian, Malaysia by No author available

16 Nov 2021

Nasional - Page 0 - 421 words - ID my0046009599 - Photo: No - Type: -

Size: 456.00cm²

Pelaksanaan DSNN fokus bidang nanoteknologi Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara 2021-2030 Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi MOSTI) semalam, melancarkan Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara 2021-2030 (DSNN) yang memberi tumpuan kepada bidang nanoteknologi. Ia selaras dengan matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi dalam usaha mentransformasi kedudukan daripada pengguna kepada pembangun teknologi. Menteri, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata DSNN mengetengahkan potensi nanoteknologi yang mampu menyelesaikan cabaran dihadapi negara. Katanya, ia termasuk masalah pencemaran alam sekitar, penjana tenaga boleh baharu, hasil pertanian dan keselamatan makanan serta pelbagai bidang keutamaan negara. "Pandemik COVID-19 membuktikan perkembangan nanoteknologi dalam pembangunan vaksin Pfizer/BioNTech dengan mengaplikasikan lipid nanoparticles yang melindungi dan membawa mRNA ke tapak sasaran sel yang dikehendaki dalam badan manusia." Justeru, pelaksanaan DSNN akan memberi manfaat kepada pembentukan ekosistem nanoteknologi negara yang dinamik dan progresif selaku antara teras Pelancaran DSNN akan memacu negara untuk menguasai bidang nanoteknologi pada masa depan. (Foto hiasan) pelaksanaan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (4IR)," katanya. Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran DSNN 2021-2030 secara maya, semalam. Dr Adham berkata, DSNN dapat menyediakan ekosistem nanoteknologi yang mampan bagi memastikan negara mampu terus berdaya saing, merangkumi empat teras strategik yang disokong 15 strategi serta 32 inisiatif merentasi pelbagai sektor ekonomi. Dalam perkembangan lain, penularan pandemik COVID-19 turut memberi kesan kepada sektor ekonomi yang selama ini bergantung kepada pekerja asing dalam meneruskan rantai penawaran ekonomi. Berikutan itu, Dr Adham yakin pendekatan penjenteraan Malaysia membolehkan perintis tempatan memberi tumpuan kepada 4IR pada masa depan. Beliau berkata, wabak COVID-19 mendorong manusia menerima teknologi baharu bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan kehidupan sewaktu kemerosotan ekonomi. Katanya, MOSTI berperanan penting dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) untuk mengembalikan pembangunan dan kestabilan ekonomi, selain melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara melalui sains, teknologi serta inovasi (STI). "Pada masa depan, kita perlu membina semula ekonomi dan muncul daripada pandemik ini sebagai masyarakat yang lebih kuat." Kunci utama memperkasakan masyarakat daripada sebagai pengguna teknologi kepada pencipta teknologi adalah untuk Keluarga Malaysia memberi tumpuan pembangunan dan penggunaan teknologi termaju," katanya. Beliau berkata demikian pada sesi webinar bertajuk 'RMK-12: Pemerkasaan Pembangunan dan Pengkomersialan Teknologi', semalam. Pelaksanaan DSNN akan memberi manfaat kepada pembentukan ekosistem nanoteknologi negara yang dinamik dan progresif selaku antara teras pelaksanaan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (4IR) Dr Adham Bab Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Katanya, Malaysia perlu bergerak maju dengan teknologi automasi dan penjenteraan dalam rantai proses pembuatan. "MOSTI komited memperkasakan sektor ekonomi Malaysia dalam bidang pertanian, pembuatan, perkhidmatan dan mitigasi bencana untuk lebih berasaskan teknologi." Contohnya, penggunaan penyelesaian digital seperti analisis data besar, kecerdasan buatan, 'blockchain' dan teknologi penderia," katanya. tba, ,

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.